
| | |
|-----------|--|
| Title | Ejaan Rumi bahasa Melayu ejaan baru dan ejaan yang disempurnakan |
| Author(s) | Muhammad Ariff bin Ahmad |

Copyright © [1987] Muhammad Ariff bin Ahmad

Haji Muhammad Ariff Ahmad
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura
untuk siaran Radio 2 [3]

**EJAAN RUMI BAHASA MELAYU
EJAAN BARU DAN EJAAN YANG DISEMPURNAKAN**

Kata sepakat telah diperoleh dan kedua-dua pemerintah [Persekutuan Tanah Melayu dan Indonesia] telah bersetuju hendak menggunakan sistem EJAAN MELINDO itu serentak, iaitu mulai dari 1 Januari 1964. Malangnya apakala tertubuh negara Malaysia [Persekutuan Tanah Melayu + Singapura + Sabah + Sarawak] pada 16 Sept 1963, Indonesia telah melakukan konfrantasi terhadap Malaysia. Perjanjian Persahabatan Indonesia-Persekutuan Tanah Melayu terbatal, dan pelaksanaan EJAAN MELINDO itu pun terencat.

Pada 9 Ogos 1965, Singapura telah keluar dari Malaysia, dan merdeka. Pada 16 - 19 Ogos 1966, Lembaga Tetap Kongres di Singapura telah menganjurkan satu Kongres Bahasa Kebangsaan. Antara perkara yang dibincangkan ialah Ejaan Rumi Baru bagi bahasa Kebangsaan. Jawatankuasa Ejaan Rumi bahasa Kebangsaan yang dilantik oleh Kementerian Kebudayaan Singapura semenjak 26 Januari 1966 telah mengemukakan satu sistem ejaan rumi untuk bahasa Kebangsaan di Singapura. Saranan Jawatankuasa itu dan saranan Encik Mahmud Ahmad telah dibincangkan; tetapi para peserta kongres itu lebih berkenan dengan sistem ejaan Melindo yang telah diputuskan pada 7 Disember 1959 itu. Kongres telah menggesa satu jawatankuasa yang dilantik pada hari kongres itu supaya berhubung dengan pihak MELINDO meminta Singapura disertakan dalam gabungan Melindo dan nama Melindo diubah menjadi MELINDOS.

Sebaik-baik selesai konfrantasi, Jawatankuasa Ejaan/Bahasa Melayu Malaysia dan Team Ahli Bahasa KOTI [Korp Operasi Tentera Indonesia] telah memulakan kembali kerjasama menyatukan sistem ejaan bagi Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan kepada (1) pertimbangan teknikal yang menghendaki setiap fonem dilambangkan dengan satu huruf; (2) pertimbangan praktikal yang menghendaki perlambangan secara teknikal itu disesuaikan dengan keperluan-keperluan teknikal seperti keadaan percetakan dan mesin tulis; dan (3) pertimbangan ilmiah yang menghendaki perlambangan itu mencerminkan pengkajian yang mendalam mengenai kenyataan ilmu bahasa dan kemasyarakatan yang berlaku, gabungan jawatankuasa ejaan itu telah mengkaji semula EJAAN MELINDO dan mewujudkan

[2] satu sistem..

satu sistem ejaan yang praktikal, ekonomikal dan ilmiah untuk bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia.

Satu kenyataan bersama Malaysia-Indonesia telah dibuat pada 23 Mei 1972, mengandungi persetujuan untuk melaksanakan asas-asas yang telah dipersetujui antara para ahli kedua negara pada 27 Jun 1967 tentang ejaan baru atau ejaan yang telah disempurnakan; dan merasmikan pelaksanaan ejaan tersebut dengan pengumuman yang diisytiharkan serentak pada 16 Ogos 1972.

Dua buah risalah ejaan Malaysia-KOTI telah diterbitkan dalam tahun 1972 [yang di Malaysia diterbitkan oleh Dewan Bahasa & Pustaka, dan yang di Indonesia oleh Kedutaan Besar Republik Indonesia, Singapura]. Risalah Sistem Ejaan Rumi Bahasa Malaysia menyatakan bahawa penyempurnaan ejaan rumi Malaysia perlu dibuat dengan tiga tujuan besar, untuk:

- (a) memperbaiki sistem yang ada pada masa itu,
- (b) menyesuaikan ejaan rumi pada masa itu dengan perkembangan-perkembangan baru, dan
- (c) menyamakan ejaan rumi di Malaysia dengan ejaan rumi yang dipakai di Indonesia supaya lebih mudah diselaraskan pertumbuhan bahasa Melayu di kedua buah kawasan pada masa depan.

Pedoman Ejaan Bahasa Indonesia Yang Disempurnakan pula menyatakan bahawa penyempurnaan itu bertolak dari keperluan:

- (a) menyesuaikan ejaan bahasa Indonesia dengan perkembangan bahasa Indonesia,
- (b) membina ketertiban dalam penulisan huruf dan tanda baca,
- (c) memulai usaha pembakuan bahasa Indonesia secara menyeluruh,
- (d) mendorong pengembangan bahasa Indonesia.

Melihat kepada tujuan tersebut, orang boleh menganggap bahawa Jawatankuasa Ejaan Malaysia dan Team bahasa KOTI itu berjalan sendiri-sendiri, tetapi risalah panduan ejaan mereka menunjukkan bahawa JEM dan KOTI adalah menggunakan abjad yang sama dalam pembinaan ejaannya. Mereka sama-sama menggunakan:

- (a) 6 vokal dengan 5 lambang [a, e, i, o, u] dengan /e/ dipakai untuk vokal "ě" dan "é",
- (b) 3 diftong dengan lambang ai, au dan oi,
- (c) 24 konsonan yang dilambangkan dengan 19 huruf tunggal dan 5 huruf kembar [gh, kh, ng, ny dan sy].

Dengan demikian, ejaan Malaysia hanya mengalami perubahan 2 lambang konsonan, iaitu: ch diubah menjadi "c" dan sh diubah menjadi "sy"

sedangkan ejaan Indonesia mengalami perubahan 6 konsonannya, iaitu:

dj diubah menjadi j
 j diubah menjadi y
 nj diubah menjadi ny
 sj diubah menjadi sy
 tj diubah menjadi c
 ch diubah menjadi kh

Dalam ejaan Malaysia dinyatakan:

dh jadi /d/ kadi, darab, mudarat
 dz jadi /z/ zalim, zat, zohor
 th jadi /s/ misal, sabit, Isnin

'ain dan hamza [sebagai konsonan pemula dihapuskan] misalnya dalam ejaan seperti: alam, taat, maaf. [sebagai konsonan penutup ain/hamza ditukar dengan /k/] misalnya dalam ejaan seperti: tamak, rakyat, makna dan yang sebagainya.

Dalam ejaan Malaysia, konsonan /v/ dipakai untuk mengejakan ke-kata yang berasal dari bahasa asing seperti: novel, universiti, vokal, variasi; dan konsonan /ve/ sebagai penutup ke-kata ditukar menjadi /f/, seperti pada ke-kata: aktif, pasif, positif, negatif, frikatif.

Dinyatakan juga dalam ejaan Malaysia tentang penggunaan konsonan rangkap seperti:

pr dalam presiden, proses, prasejarah
 br dalam brek, brigid
 dr dalam drama, draf
 tr dalam kontra, traktor, transitif
 kr dalam kritik, konkrit
 pl dalam plan, plagiat, kompleks
 bl dalam jubli

Panduan ejaan Malaysia menyatakan bahawa penggunaan tanda sempang pada awalan di- dan sa- dimansuhkan, dan awalan sa- diubah menjadi se, seperti:

- (a) dimakan bukan: di-makan
 dikebumikan bukan: di-kebumikan
 dijalankan bukan: di-jalankan
- (b) seorang bukan: sa-orang
 sebatang bukan: sa-batang

Tentang kata depan, ejaan Malaysia mengarahkan supaya 'kapada' dieja kepada, dan kata depan di ditulis terasing dari kekata yang berikutnya, seperti:

di rumah bukan: di-rumah
 di penjuru bukan: di-penjuru
 di kiri bukan: di-kiri

Demikian pula, kata depan ka- hendaklah ditukar menjadi 'ke' dan ditulis terasing dari kekata yang berikutnya, seperti:

ke Kuala Lumpur bukan: ka-Kuala Lumpur
 ke utara bukan: ka-utara

Ejaan Malaysia mengarahkan supaya partikel -kah, -tah, -lah dan pun ditulis serangkai dengan kata dasar tanpa tanda sempang seperti: adalah, siapakah, manatah, di sinilah, sungguhpun, sekalipun, walaupun bagaimanapun; tetapi kekata pun yang memberi makna 'juga' hendaklah ditulis bersendirian, seperti:

- (a) dia pun hendak mengikut kita ke Ujung Pandang;
- (b) meja itu baik, tetapi yang ini pun baik juga.

Demikian juga halnya apabila mengeja atau menuliskan ku, kau, mu dan nya, singkatan-singkatan itu hendaklah ditulis serangkai dengan kekata yang mendahului atau yang mengikutinya tanpa menggunakan tanda sempang seperti: kuambil, anakku, kuserahkan, keluargamu, pangkatnya dan yang sebagainya.

Hal-hal yang tersebut tadi tidak dinyatakan dalam panduan ejaan yang disempurnakan bagi Indonesia kerana sistem itu adalah sistem bagi ejaan Indonesia yang sedia terpakai. Mungkin itulah halnya yang mendorong banyak orang menyangka bahawa dalam perundingan menyamakan ejaan itu, Malaysia lebih banyak mengalah kepada Indonesia.

Dalam hal mengejakan kata majmuk ejaan Malaysia mengarahkan supaya kata-kata majmuk itu diejakan serangkai, seperti: keretapi, pemberitahu, suratkhobar, kajihaiwan dan sebagainya. Demikian pula pada kekata yang lebih dari sepatah yang dipakaikan awalan dan akhiran hendaklah diejakan serangkai, seperti: tidak adil, apakala dipakaikan ke dan an hendaklah dieja: ketidakadilan; demikian pula ketidaksempurnaan kemasukcampuran dan lain-lain.

Sistem ejaan Indonesia mengarahkan supaya kata-kata majmuk yang

biasa dieja dan ditulis terpisah seperti: rumah sakit, meja tulis dan sebagainya, tetapi kata-kata majmuk yang telah lazim ditulis serangkai seperti: matahari, syahbandar, peribahasa, putrabumi dan yang sebagainya hendaklah dieja dan ditulis serangkai.

Tentang mengejakan kata ulang atau kata ganda, kedua-dua pedoman ejaan Malaysia dan ejaan Indonesia mengarahkan supaya menggunakan tanda sempang; kedua-dua panduan itu tidak membolehkan penggunaan angka dua, seperti:

| | |
|-------------|---------------|
| tiap-tiap | bukan: tiap2 |
| kanak-kanak | bukan: kanak2 |
| cita-cita | bukan: cita2 |

Tentang penggunaan konsonan /q/ dalam bahasa Melayu tidak disebut sama sekali, sama ada dalam ejaan Malaysia mahupun dalam ejaan Indonesia, tetapi dalam Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia yang telah disiapkan pada 19 Jun 1981, berdasarkan Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia [1975], terdapat 12 kekata yang terpakai dalam bahasa Melayu yang dieja menggunakan konsonan /q/ itu, iaitu:

| | |
|-------|-------------|
| qada | qariah |
| qadar | qasidah |
| qadim | qidam |
| qaf | qiyamullail |
| qalam | qunut |
| qari | Quran |

Mengisahkan tentang perkembangan, perubahan dan penyamaan ejaan Rumi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia tidak lengkap tanpa menyebut MBIM [Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia]. MBIM telah terbentuk pada 29 Disember 1972. Majlis [yang dalam ejaan Indonesia dieja Majelis] ini telah mengkaji secara terperinci ejaan yang terpakai di Indonesia dan di Malaya pada masa itu, mengkaji juga secara teliti Ejaan Melindo sebelum merumuskan satu sistem ejaan yang dipakai sekarang ini di kedua-dua wilayah itu, kemudian diikuti oleh Singapura dan Brunei. Majlis itu sekarang bernama MABBIM apabila negara Brunei Darussalam me-tainya sebagai anggota tetap pada tahun 1985.

Masalah ejaan dianggap MABBIM sudah selesai walaupun masih ter-dapat di sana sini perbezaan-perbezaan minor, sekarang MABBIM memusat-usahanya pada penetapan istilah dan perkamusan. Singapura yang diwa-kili oleh JBMS masih menjadi pemerhati dalam MABBIM.